

INFO PDP



Menarik

- Apakah makna 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi?

Akta 709 telah dikuatkuasa sepenuhnya pada 15 November 2013 adalah bertujuan mengawal selia pemrosesan data peribadi dalam transaksi komersial oleh Pengguna Data serta melindungi kepentingan data peribadi umum.

LAWATAN KE AGENSI-AGENCI PENGGUNA DATA

BERITA EKSKLUSIF BULAN INI

APA KATA PENGGUNA DATA?

GANESH & CO



"Biasanya saya mendapat pelbagai panggilan dan mesej untuk menjual dan menawarkan perbagai servis dan perkhidmatan. Dengan Akta ni saya rasa lebih selamat."

Sylvia Suzan James
Ganesh & Co
8 April 2015

JESSELLTON MEDICAL CENTRE



Hiyasinta
Staff Nurse, Jesellton
Medical Centre
9 April 2015

"Pendapat saya secara peribadi, data saya kini lebih selamat. Orang lain tidak boleh sewenang-wenangnya menggunakan data peribadi saya tanpa kebenaran."

SP SETIA BHD GROUP

"Sebagai individu saya berpendapat Akta ini sangat bagus bagi melindungi data peribadi saya, terutamanya pada masa sekarang, contohnya Facebook yang mana maklumat dapat disebar dengan begitu pantas sekali. Dengan Akta ini saya merasakan data peribadi saya dilindungi. Saya semakin selesa dan sekiranya data peribadi saya digunakan tanpa kebenaran saya tahu apa yang perlu dilakukan."



Alvina Wong
Assistant Manager, Credit
Control, Niche Development
8 April 2015



Tomothy Wong
Senior Executive, Sales &
Marketing, Niche Development
8 April 2015

"Pertamanya saya merasakan Akta ini hanya berkaitan dengan concern sahaja. Adalah bagus pihak Pesuruhjaya menguatkuasakan Akta ini kerana ianya bagus untuk perniagaan kerana kita tahu banyak Negara telah menguatkuasakan akta ini. Sebagai Subjek Data, saya kini tahu hak-hak saya sebelum saya memberi kebenaran kepada sesiapa untuk menggunakan data peribadi. Akta ini bagus!"

SUTERA HARBOUR

"Pendapat saya sememangnya bagus dan diperlukan oleh setiap individu kerana ianya dapat melindungi data peribadi daripada disalahgunakan oleh sesiapa sahaja."



Vallerian
Senior Staff Concierge
9 April 2015

FARMASI EHSAN
Pasir Putih, Kelantan



“Berdasarkan kepada lawatan pasukan Pesuruhjaya ini, kami menyedari perlindungan data peribadi adalah penting terutamanya bagi mengelakkan syarikat daripada didenda ataupun pelanggan kita membuat aduan yang berkaitan penyalahgunaan data. Sebagai individu (subjek data) Akta ini memang penting, saya rasa lebih selamat dan terjamin maksudnya maklumat saya tidak didedahkan kepada pihak yang tidak sepatutnya tanpa kebenaran.”

Hamidah Ismail,
Pengurus Sumber Manusia
28 April 2015

ASTRO

Cawangan Kuala Terengganu



“Sebagai Subjek Data saya rasa Akta ini bagus, sebelum ini saya perhatikan banyak sangat orang marketing hubungi saya tidak kira masa dan saya rasa itu agak mengganggu. Saya menyedari sejak Akta ini dikuatkuasakan, saya tidak menerima begitu banyak panggilan pemasaran langsung seperti sebelum ini. Paling ketara adalah dari aspek pengumpulan data peribadi itu sendiri, hanya maklumat yang perlu dan berkaitan sahaja diminta.
This Act is challenging but it's good!”

Eranza Hamid
AVP, Astro Malaysia Holdings Bhd.
29 April 2015

APA KATA PENGGUNA DATA DI TERENGGANU?



CIMB CAWANGAN KUALA TERENGGANU

“Saya sebagai orang awam memang akan memperolehi banyak faedah bukan hanya di dalam tetapi juga di luar negara kerana data peribadi kita banyak didedahkan. Dengan adanya Akta ini data peribadi kita akan lebih selamat dan tidak akan disebar ke tempat lain tanpa kebenaran. Ini akan melindungi saya sebagai subjek data. Sebagai Pengguna Data pula, memang kita memahami apa yang dibolehkan atau tidak dibenarkan oleh undang-undang untuk melindungi data peribadi pelanggan. Pelanggan akan lebih yakin dengan kita!”

Roslin Ali, Pengurus CIMB, Jln. Sultan Ismail Kuala Terengganu
28 April 2015

ZAMANI MOHAMMAD & CO, PEGUAMBELA & PEGUAMCARA

“Pada pandangan saya memanglah perlu pada masa ini kerana penyeberan data adalah sangat cepat dengan menggunakan pelbagai medium. Oleh itu kita memerlukan Akta ini untuk untuk menghentikan sebarang bentuk penyalahgunaan data peribadi mengikut landasan perundangan. Walaubagaimanapun kami, sebagai Pengguna Data masih memerlukan garis panduan bagi melaksanakan Akta ini.”



Datuk A. Zamani Mohammad
29 April 2015

APA KATA PENGGUNA DATA DI KELANTAN ?



Puan Ainul Azlinda Inon
Shaharuddin
Pegawai Pematuhan Akta
Perlindungan Data
Peribadi
19 April 2015

TELEKOM MALAYSIA BERHAD

“Telekom Malaysia Berhad sememangnya mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi supaya pelanggan kami yakin bahawa data peribadi mereka selamat apabila berurusan dengan kami. Sebagai salah satu usaha bagi mematuhi akta ini, kami telah menubuhkan PDP Task Force supaya pelaksanaan akta ini dapat dilaksanakan sepenuhnya. Memandangkan akta ini masih baru, kami memerlukan masa untuk pelaksanaannya secara menyeluruh dan sehingga hari ini, semua warga TM memberikan kerjasama yang baik untuk pelaksanaan pematuhan akta ini”.

TH TRAVEL & SERVICES SDN. BHD

“Melalui program ini kami lebih mengetahui dan memahami apa yang perlu kami lakukan untuk mematuhi Akta ini. Sebelum ini saya pernah melihat notis-notis berkenaan perlindungan data peribadi ketika berurusan dengan organisasi-organisasi lain dan tidak menjangkakan yang kami juga perlu lakukan perkara yang sama. Secara peribadi saya berpendapat Akta ini sangat bagus untuk melindungi data peribadi dan saya lebih yakin untuk berurusan dengan organisasi-organisasi yang berkenaan selepas wujudnya akta ini.



Hjh. Suzaini binti Mohd Din
Penolong Pengurus
Wilayah Timur
Kota Bharu, Kelantan
20 April 2015

KOLEJ TEKNOLOGI COSMOPOINT



Puan Aida binti Mustapha
Pengurus Pusat, Kolej
Teknologi Cosmopoint
Kota Bharu, Kelantan
20 April 2015

“ Di Kolej Teknologi Cosmopoint, kami dalam usaha menambahbaik pengurusan data peribadi pelanggan dan kakitangan kami supaya ia mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi. Pelbagai usaha telah kami jalankan antaranya ialah memberi latihan kepada semua kakitangan terutamanya pegawai di barisan hadapan kami iaitu pegawai penasihat pendidikan kami. Perkara ini sangat penting supaya mereka boleh menerangkan kepada pelanggan tujuan data peribadi mereka diambil dan seterusnya mendapatkan persetujuan untuk data peribadi mereka diproses .”



Puan Zainab
binti Haron,
Penasihat
Pendidikan
Kota Bharu,
Kelantan
20 April 2015

“Bagi tujuan promosi, kami akan menghubungi pelajar-pelajar yang berminat untuk melanjutkan pengajian di peringkat diploma untuk mengetahui maklumat lanjut berkaitan pengajian yang ditawarkan. Maklumat peribadi pelajar ini diperolehi melalui karnival atau pameran pendidikan yang kami sertai. Semasa karnival atau pameran, pelajar-pelajar yang berminat perlu mengisi borang yang telah disediakan dan selepas itu kami akan susuli dengan menghubungi pelajar-pelajar berkenaan dan penjelasan lanjut berkaitan bidang pengajian, kos perbelanjaan, kemudahan yang disediakan dan sebagainya”.

“Pada pandangan saya, Akta ini sangat bagus untuk melindungi data peribadi daripada disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Saya dapati, sekarang ini saya kurang dapat panggilan-panggilan daripada pihak-pihak yang tidak dikenali untuk menawarkan pelbagai perkhidmatan dan produk yang tiada kaitan dengan saya”.



“Saya berpendapat bahawa Akta 709 ini bagus kepada pengguna data dan subjek data terutamanya dalam sektor telekomunikasi. Secara peribadi, sebelum ini saya sendiri tidak mengetahui bahawa saya selaku rakyat juga ada hak berdasarkan prinsip-prinsip perlindungan data peribadi yang diperuntukkan di bawah akta ini bagi memastikan data peribadi kita tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab”.

Encik Ab. Rashid Che Othman
Pengurus Besar Negeri Kelantan, Kota Bharu, Kelantan 19 April 2015

“Sebelum data peribadi pelanggan diambil, saya terlebih dahulu akan menerangkan kepada pelanggan tujuan data peribadi mereka diambil dan mendapatkan persetujuan mereka. Selepas itu, barulah proses permohonan perkhidmatan kami akan dimulakan. Setakat ini, saya belum pernah berhadapan dengan pelanggan yang ada masalah untuk memberikan data peribadi mereka sebelum melanggan mana-mana perkhidmatan kami. Secara peribadi pula, saya lihat akta ini sangat bagus dalam mengawalselia segala pemprosesan data peribadi daripada disalahgunakan dan saya lihat pelanggan lebih yakin ketika berurusan dengan kami”.

Puan Tuan Azwani T. Anera
Pegawai Perkhidmatan Pelanggan, Kota Bharu, Kelantan 19 April 2015



PENGGUNA

“Sebelum ini saya pernah menerima notis berkaitan perlindungan data peribadi daripada salah sebuah institusi perbankan. Daripada situlah, saya mengetahui serba sedikit berkaitan Akta Perlindungan Data Peribadi. Saya sebagai pengguna sangat yakin berurusan dengan organisasi yang mematuhi Akta 709”.

Puan Rahayu binti Ab. Rashid
19 April 2015

Tata Cara Aduan Awam Berkaitan Penyalahgunaan Data Peribadi Dalam Transaksi Komersial

<p>Bagaimanakah orang ramai boleh membuat laporan kepada Jabatan / Pesuruhjaya – Apakah prosedurnya?</p> <p>Orang ramai boleh mengemukakan sebarang aduan yang berkaitan APDP 2010 (Akta 709) sekiranya merasakan sebuah organisasi atau seseorang telah melanggar salah satu daripada 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi.</p>	<p>Berikut adalah amalan yang disarankan kepada pengadu iaitu:-</p> <p>i) Pengadu perlu membuat aduan dan memohon penjelasan kepada organisasi yang terlibat terlebih dahulu;</p> <p>ii) Sekiranya pengadu masih tidak berpuas hati dengan jawapan dan tindakan yang diambil oleh organisasi berkenaan, maka, pengadu bolehlah terus membuat aduan kepada pihak Pesuruhjaya melalui alamat aduan yang disertakan bagi membolehkan penyiasatan boleh dijalankan;</p> <p>iii) Sekiranya pengadu masih terkilan dengan keputusan Pesuruhjaya berhubung perkara tersebut, maka, ia bolehlah merayu kepada Tribunal Rayuan dengan memfailkan suatu notis rayuan dengan Tribunal Rayuan.</p>	<p>Butir-butir yang perlu semasa membuat aduan:-</p> <p>Anda hanya perlu menulis surat kepada Pesuruhjaya atau e-mailkan kepada aduan@pdp.gov.my melalui Jabatan Perlindungan Data Peribadi untuk menjelaskan kes anda.</p> <p>Dalam surat atau e-mel anda, anda perlu menyatakan perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Nama organisasi atau orang yang anda mengadu; 2) Menerangkan sebab kebimbangan anda; 3) Memberi butir-butir tindak balas yang mana anda telah terima daripada organisasi yang disyaki punca kebocoran maklumat; 4) Menyediakan salinan apa-apa surat atau e-mel mengenai perbincangan anda dengan organisasi atau individu berkenaan. 	<p><u>Sebarang aduan awam dan pertanyaan sila kemukakan kepada:-</u></p> <p>Alamat Surat Menyurat:</p> <p>Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia</p> <p>Aras 6, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia Lot 4G9, Persiaran Perdana Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62100 Putrajaya Tel: 03 8911 5000/7927/7906/7965 Fax: 03 8911 7959 Email: info@pdp.gov.my</p> <p>Website: http://www.pdp.gov.my</p> <p>Aduan Awam: aduan@pdp.gov.my</p>
--	--	--	--